**PELAN TINDAKAN WARGA EMAS NEGARA (PTWEN)**

**PROMOSI DAN ADVOKASI**

Objektif 1: Membangun masyarakat prihatin mengenai penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Meningkatkan usaha mempelbagaikan program kesedaran individu, keluarga dan masyarakat mengenai warga emas dan isu penuaan | **Jangka Pendek (2010 - 2012)**:<br>1. Menjalankan kursus pendedahan dan pemantapan mengenai penuaan dan implikasinya dalam kalangan penggubal dasar, pembuat keputusan dan pegawai pelaksana dari pelbagai kementerian serta sektor swasta. Contoh: Kursus bersiri mengenai penuaan dan implikasi kepada masyarakat dan pembangunan negara. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan<br>Kementerian Kesihatan<br>Kementerian Pelajaran<br>Kementerian Pengajian Tinggi<br>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Tahap kesedaran mengenai warga emas dan isu penuaan meningkat 30% pada akhir tahun 2012. |
| | | 2. Mengintegrasi isu penuaan dalam kursus induksi melalui kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | Jabatan Perkhidmatan Awam<br><br>Swasta<br><br>NGO | |
| | | 3. Menjalankan kempen kesedaran secara berterusan untuk membentuk imej positif serta mengiktiraf warga emas dalam semua lapisan masyarakat melalui:<br><br>• Media cetak dan elektronik, forum, seminar dan ceramah;<br><br>• Menggalakkan program 'sayangi warga emas' dan 'kasih dan budi';<br><br>• Insentif kepada warga emas yang ingin menyumbang kepada pembangunan negara; dan<br><br>• Mengadakan Bulan Sambutan Warga Emas Kebangsaan (BSWEK). | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 4. Mengadakan Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan sebagai penutup kepada BSWEK di semua peringkat. | | |
| | | 5. Menggalakkan peningkatan penglibatan sektor swasta dalam tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*) berhubung program pembangunan warga emas. | | |
| | | 6. Menggalakkan program promosi dan advokasi untuk merapatkan jurang antara generasi. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010 – 2015):**<br><br>1. Menyediakan ruang dan peluang dalam kalangan individu, profesional dan komuniti untuk meningkatkan pengetahuan mengenai warga emas dan penuaan melalui:<br><br>• Laman web warga emas; | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Saluran televisyen dan radio; dan<br><br>• Penubuhan persatuan profesional pelbagai disiplin untuk merencana program/aktiviti berkaitan warga emas. | | |
| | | 2. Membangunkan bahan pembelajaran dan kempen kesedaran penuaan. | | |
| | | 3. Menggalakkan peranan media mendidik orang ramai mengenai penuaan dan persekitaran mesra warga emas. | | |
| | | 4. Mengadakan/menambah ruangan/slot khas sepanjang tahun dalam media mengenai penuaan. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Panjang (2010 - 2020):**<br>1. Membangunkan e-komuniti khusus untuk warga emas<br>2. Mengintegrasikan isu penuaan dalam program latihan yang disediakan di INTAN. Contohnya mengkaji kandungan kursus sedia ada di INTAN dan cadangan mengintegrasikan isu penuaan dalam latihan | | |
| 2. | Meningkatkan usahasama advokasi dalam kalangan penjawat awam, swasta, NGO dan masyarakat setempat untuk kesejahteraan warga emas | **Jangka Pendek (2010 - 2012)**:<br>1. Membangunkan modul dan menjalankan latihan kemahiran advokasi dalam kalangan individu, komuniti dan pembekal perkhidmatan. | Kementerian Sumber Manusia<br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan<br>Swasta<br>NGO | 30% masyarakat membuat persediaan menghadapi hari tua pada akhir tahun 2015 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2010 - 2015)**:<br><br>1. Meningkatkan kapasiti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui latihan kemahiran advokasi. | | |
| | | 2. Menubuhkan Gabungan Persatuan Warga Emas sebagai landasan untuk menggalakkan pembentukan jaringan advokasi dalam kalangan NGO. | | |
| | | 3. Menyediakan platform dan saluran komunikasi untuk meningkatkan advokasi. Contohnya, menyediakan blog/portal/ruangan media untuk warga emas. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 - 2020):**<br><br>1. Mengukuhkan jaringan advokasi warga emas dengan pelbagai pihak | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 2. Mewujudkan jaringan advokasi dengan antarabangsa | | |
| 3. | Mengarus perdana isu penuaan dalam program pembangunan | **Jangka Pendek (2010 - 2012)**:<br>1. Menubuhkan sebuah entiti yang berperanan bagi membangunkan warga emas. | Jabatan Perkhidmatan Awam<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Kewangan<br><br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br><br>Swasta<br><br>NGO | Peningkatan 10% setiap tahun program yang mengutamakan warga emas mulai tahun 2011 |
| | | 2. Meningkatkan kepekaan penggubal dasar dan pegawai mengenai isu penuaan melalui program kesedaran dan latihan secara berterusan. | | |
| | | 3. Menubuhkan pasukan petugas/bertindak media untuk menjalankan promosi dan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | advokasi kesejahteraan warga emas. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010 - 2015)**<br><br>1. Menyediakan peruntukan tahunan khas untuk pembangunan warga emas. | | |
| | | 2. Memasukkan aktiviti Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) dalam takwim agensi berkaitan. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Menjalankan audit sosial program warga emas | | |
| 4. | Penerangan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga | **Jangka Pendek (2010 - 2012)**:<br><br>1. Menjalankan program penerangan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan | 90% masyarakat mengetahui tentang DWEN dan PTWEN apda tahun 2020 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | Emas Negara (PTWEN) | Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) menerusi:<br>• Kempen;<br>• *Road show*;<br>• Iklan; dan<br>• Sesi perkongsian. | Swasta<br>NGO | |
| | | 2. Menubuhkan kumpulan kerja aktiviti penerangan dan penghayatan DWEN dan PTWEN di bawah Jawatankuasa Teknikal. | | |

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Objektif 2: Memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br><br>1. Meningkatkan aktiviti promosi pembelajaran sepanjang hayat seperti:<br>• Melaksanakan program "Semarak Ilmu Sepanjang Hayat";<br>• Menggunakan media elektronik dan media cetak untuk mempromosikan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat; dan<br>• Mengiktiraf warga emas yang cemerlang dalam masyarakat yang masih aktif dan produktif. | Kementerian Pengajian Tinggi<br><br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah<br><br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br><br>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | Kadar akses pembelajaran sepanjang hayat meningkat 10% bermula tahun 2011 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 2. Membangunkan pakej/modul pembelajaran dalam aspek:<br><br>• Pembangunan/pengurusan diri (contoh: jati diri untuk menghadapi proses penuaan);<br><br>• Latihan semula untuk kerjaya kedua (contoh: kehidupan selepas persaraan);<br><br>• Pembangunan keluarga (contoh: pengukuhan hubungan keluarga pelbagai generasi);<br><br>• Pembangunan masyarakat (contoh: membentuk masyarakat prihatin terhadap warga emas);<br><br>• Sosial dan sivik (contoh: kesedaran terhadap persediaan hari tua);<br><br>• Kesukarelawanan (contoh: membina kompetensi dari aspek pengurusan strategik organisasi dalam komuniti); dan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Seni dan kebudayaan (contoh: membuat kraftangan dan kesenian). | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br>1. Memperluaskan projek pembelajaran sepanjang hayat ke seluruh negara melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti kolej komuniti, NGO dan swasta. | | |
| | | 2. Membangunkan skim pembiayaan pembelajaran sepanjang hayat untuk golongan warga emas yang kurang mampu/upaya. | | |
| | | 3. Memberi pengecualian cukai kepada anak yang membiayai pembelajaran sepanjang hayat ibu bapa. | | |
| | | 4. Memberi insentif kepada warga emas yang kurang mampu untuk terlibat dalam program pembelajaran sepanjang hayat. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 5. Memberi insentif kepada pembekal perkhidmatan yang menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat untuk warga emas. | | |
| | | 6. Menubuhkan badan penyelaras program pembelajaran sepanjang hayat di bawah Jawatankuasa Teknikal. | | |
| | | 7. Menjalankan penilaian program pembelajaran sepanjang hayat di seluruh negara. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Meluaskan akses program pembelajaran sepanjang hayat ke seluruh negara melalui:<br><br>– Pewujudan pelan strategik program pembelajaran sepanjang hayat;<br><br>– Kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, NGO dan organisasi dalam komuniti (CBO); dan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | – Melantik warga emas yang berkepakaran sebagai tenaga pengajar | | |
| 2. | Pembangunan kapasiti untuk menjayakan program pembelajaran sepanjang hayat | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br>1. Menyediakan latihan dan pensijilan untuk fasilitator program pembelajaran sepanjang hayat. | Jabatan Perkhidmatan Awam<br><br>Kementerian Sumber Manusia<br><br>Kementerian Pengajian Tinggi | Sekuruang-kurangnya seorang pegawai penyelaras program pembelajaran sepanjang hayat di setiap daerah pada tahun 2020 |
| | | 2. Menjalankan latihan kejurulatihan (*training of trainers*) untuk fasilitator program pembelajaran sepanjang hayat. | | |
| | | 3. Membangunkan jaringan pembekal pembelajaran sepanjang hayat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br>1. Membangunkan pangkalan data fasilitator program pembelajaran sepanjang hayat. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020);**<br>1. Pewujudan skim perjawatan untuk menyelaras program pembelajaran sepanjang hayat untuk warga emas | | |
| | | 2. Mewujudkan badan penyelaras program pembelajaran sepanjang hayat. | | |
| 3. | Menambah baik dan membangunkan infrastruktur untuk pembelajaran sepanjang hayat | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br>1. Membangunkan direktori kemudahan pembelajaran sepanjang hayat. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Pengajian Tinggi | Satu pusat pembelajaran sepanjang hayat di setiap daerah pada tahun 2020 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br><br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | |
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br><br>1. Menaik taraf kemudahan infrastruktur berkaitan pembelajaran sepanjang hayat supaya lebih mesra warga emas. | | |
| | | 2. Mengenal pasti keperluan kemudahan program pembelajaran sepanjang hayat. Contoh: makmal komputer dan teknologi makanan. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Menyediakan infrastruktur untuk program pembelajaran sepanjang hayat warga emas yang mesra warga emas di | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | | |
| | | 2. Menjadikan infrastruktur pembelajaran sepanjang hayat sebagai komponen dalam penyediaan kemudahan komuniti | | |
| | | 3. Membangunkan garis panduan kemudahan infrastruktur pembelajaran sepanjang hayat di peringkat komuniti dalam bidang tertentu contoh: teknologi maklumat dan *agrobiologic.* | | |

## KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN

Objektif 3: Menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br>1. Mengadakan kempen melalui media cetak dan media elektronik untuk mengubah persepsi negatif terhadap pekerja warga emas. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br>Kementerian Sumber Manusia<br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan<br>Kementerian Pengajian Tinggi<br>Kementerian Dalam Negeri<br>Kementerian Kewangan<br>Jabatan Perkhidmatan Awam<br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br>Swasta<br>NGO | Peningkatan 10% setiap tahun warga emas berdikari bermula tahun 2011 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 2. Menggalakkan amalan perancangan untuk hari tua seperti:<br><br>• Amalan menabung dalam kalangan generasi muda untuk kegunaan hari tua;<br><br>• Menggalakkan badan kewangan mempelbagaikan perkhidmatan kewangan untuk simpanan hari tua;<br><br>• Menggalakkan pekerja meningkatkan peratus sumbangan dalam KWSP untuk diri dan pasangan yang tidak bekerja; dan<br><br>• Membangunkan projek perintis dana kesejahteraan warga emas dalam komuniti terpilih. | | |
| | | 3. Memperkenalkan pendidikan kewangan kepada semua lapisan masyarakat: | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Memasukkan elemen perancangan kewangan sepanjang hayat dalam kursus induksi pegawai;<br><br>• Mengintegrasikan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah;<br><br>• Menjadikan pendidikan kewangan sebagai salah satu kursus yang boleh dibiayai di bawah Geran Pembangunan Sumber Manusia;<br><br>• Mengintegrasikan isu penuaan dalam kursus yang dikendalikan oleh INTAN; dan<br><br>• Meningkatkan kesedaran membuat wasiat, penamaan waris dan sebagainya. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br><br>1. Mengkaji semula Akta Kerja 1955 dan akta lain berkaitan peraturan pekerjaan serta pelaksanaannya untuk mengatasi masalah diskriminasi umur dan definisi kerja. | | |
| | | 2. Meningkatkan peluang pekerjaan warga emas dalam sektor formal melalui:<br><br>• Masa bekerja anjal;<br>• Kerja separuh masa;<br>• Bekerja di rumah; dan<br>• *Piece work*. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 3. Menggalakkan pekerja berumur 40 dan ke atas membuat persediaan penyesuaian diri ke alam kerjaya kedua melalui:<br>• Skim latihan semula;<br>• Peningkatan kemahiran;<br>• Ilmu keusahawanan; dan<br>• Khidmat nasihat. | | |
| | | 4. Mewujudkan skim simpanan hari tua untuk kumpulan pekerjaan tidak formal dan suri rumah sepenuh masa. | | |
| | | 5. Memperkenalkan perkhidmatan kewangan bergerak untuk kawasan terpencil. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 6. Menggalakkan kepelbagaian perkhidmatan kewangan warga emas. Contoh:<br>• Sistem anuiti<br>• Pengecualian caj perkhidmatan untuk potongan gaji anak kepada ibu bapa; dan<br>• Pilihan pelaburan | | |
| | | 7. Memperluaskan sistem skim kredit mikro kepada warga emas. | | |
| | | 8. Mengkaji semula skim persaraan: Umur selaras dengan jangka hayat penduduk. | | |
| | | 9. Memberi peluang kepada penjawat awam yang mencapai umur wajib bersara untuk terus berkhidmat dalam jawatan berasaskan kepakaran/ kemahiran yang diperlukan. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br>**1.** Menggalakkan komuniti menjana sumber pendapatan untuk menampung keperluan warga emas dalam komuniti. Pihak kerajaan, swasta serta NGO pula menyediakan dana padanan untuk komuniti yang mempunyai dana untuk keperluan warga emas.<br>2. Menggalakkan komuniti menjana sumber pendapatan dengan dana padanan daripada kerajaan, swasta dan NGO<br>3. Mengkaji peranan koperasi sebagai salah satu sumber menjana kewangan di hari tua<br>4. Mewujudkan sistem pengurusan aset kekal warga emas untuk jaminan pendapatan. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 5. Mengkaji semula struktur kerja perkhidmatan awam dan swasta supaya memberi lebih peluang kepada pekerja matang. Contoh: bekerja hanya 3 hari seminggu, bekerja 2 jam sehari dan lain-lain. | | |
| 2. | Memperkukuhkan skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan (*vulnerable*) | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br><br>1. Membangunkan pangkalan data warga emas yang memerlukan secara berpusat:<br><br>• Menentukan definisi, kriteria dan senarai semak warga emas yang memerlukan. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Kesihatan<br><br>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br><br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br><br>Kementerian Dalam Negeri<br><br>Kementerian Kewangan<br><br>Swasta<br><br>NGO | 100% warga emas yang memerlukan dilindungi pada akhir tahun 2020 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 2. Membangunkan pangkalan data warga emas dan sistem pemilihan penerima bantuan kebajikan berkomputer. | | |
| | | 3. Memperluaskan liputan skim bantuan sosial dalam aspek:<br>• Rumah dan baik pulih rumah;<br>• Pelbagaikan alat bantu prostetik;<br>• Pengangkutan;<br>• Khidmat bergerak untuk kumpulan rentan dan kawasan pedalaman; dan<br>• Pembelajaran. | | |
| | | 4. Mengkaji semula amaun pengecualian cukai kepada anak yang membeli peralatan sokongan asas kepada ibu bapa. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 5. Memasukkan tanggungan ibu bapa yang memerlukan sebagai salah satu item pengecualian cukai pendapatan kepada anak/penjaga yang sah. | | |
| | | 6. Memperluaskan perkhidmatan sokongan penjagaan kepada keluarga yang menjaga warga emas dari aspek:<br>• Penjagaan;<br>• Kerja rumah;<br>• Rawatan; dan<br>• Jagaan sementara (*respite care*). | | |
| | | 7. Menyediakan latihan kepada sukarelawan/keluarga untuk menjaga warga emas. | | |
| | | 8. Mengukuhkan kemampuan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)/pertubuhan komuniti untuk memberi perkhidmatan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | kepada kumpulan golongan yang memerlukan melalui:<br>• Peruntukan kewangan;<br>• Pengurusan NGO;<br>• Infrastruktur; dan<br>• Latihan/kemahiran. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br>1. Membangun dan memperluaskan sistem penjagaan berasaskan komuniti melalui kerjasama/gabungan sektor awam, swasta dan masyarakat setempat. | | |
| | | Contoh:<br>• Membekalkan makanan ke rumah warga emas rentan (*Meals on Wheel*);<br>• Perkhidmatan bantuan di rumah; | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Perkhidmatan pengangkutan;<br>• Talian warga emas sejahtera (*phone check in service*); dan<br>• Tele-perkhidmatan (*Tele-services*). | | |
| | | 2. Mengkaji dan menyeragamkan kandungan latihan untuk penjaga dalam komuniti (*training for carers in the community*). | | |
| | | 3. Mewujudkan piawaian akreditasi latihan dan membangunkan program latihan penjaga warga emas. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br>1. Mewujudkan dan memperluaskan perkhidmatan penjagaan khusus untuk kumpulan warga emas tertentu seperti:<br>• Masalah mental (dimensia, kemurungan); dan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Uzur atau/dan terlantar | | |
| 3. | Memastikan warga emas hidup dalam persekitaran selamat dan mesra warga emas | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br><br>1. Memperkasa organisasi kejiranan sedia ada untuk kejiranan yang selamat (*safe neighbourhood*). Contoh: RELA, Rukun Tetangga, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). | Kementerian Dalam Negeri<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Kesihatan | Tiada warga emas menjadi mangsa jenayah pada akhir tahun 2020 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br><br>1. Membangun dan menetapkan standard keselamatan dalam rumah dan komuniti untuk warga emas. | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br><br>Kementerian Sumber Manusia<br><br>Kementerian Pengangkutan<br><br>Kementerian Kerja Raya<br><br>Jabatan Standard Malaysia<br><br>Jabatan Perkhidmatan Awam<br><br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan<br><br>Swasta<br><br>NGO | |
| | | 2. Melaksanakan projek perintis kejiranan selamat. Contoh:<br><br>• Jaringan rumah ke pusat kawalan pihak berkuasa tempatan (*wired community to central control board*); dan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Mewujudkan jaringan dan mekanisme keselamatan dalam rumah yang dihubung terus kepada perkhidmatan kecemasan. | | |
| | | 3. Mempertingkat dan memperluaskan perkhidmatan kaunter dan tempat duduk khas bagi warga emas di agensi Kerajaan/swasta, di stesen dan dalam pengangkutan awam, tempat letak kereta dan di taman rekreasi/pusat hiburan/pusat membeli-belah.<br>4. Memperluaskan projek kejiranan selamat.<br>5. Melaksanakan kawalan harga barang/harga siling bagi:<br>• Alat sokongan asas;<br>• Perkhidmatan;<br>• Kelengkaapn rumah; dan<br>• Teknologi membantu (*assistive technology*) | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 6. Menaik taraf semua kemudahan sedia ada supaya mesra warga emas. Contohnya:<br>• Sukan;<br>• Rekreasi;<br>• Pusat membeli belah;<br>• Rumah ibadat; dan<br>• Bangunan awam. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Menggalakkan pembinaan rumah/institusi yang dilengkapi dengan teknologi membantu untuk warga emas hidup berdikari<br><br>2. Menggalakkan pembinaan perumahan alternatif mesra warga emas yang lengkap dengan perkhidmatan penjagaan berterusan. Contoh:<br>• Perkampungan pesara;<br>• Sistem pondok moden; dan<br>• Granny flat<br><br>3. Menggalakkan penyediaan persekitaran bebas halangan. Contoh: Zebra Crossing, masa lampu isyarat, pencahayaan, papan tanda, laluan pejalan kaki dan ketinggian kaki lima (Curb Height) | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 4. Mewujudkan persektiaran kerja yang mesra warga emas<br>5. Memberi kelonggaran masa bekerja kepada pekerja yang menjaga warga emas<br>6. Meningkatkan pelaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>7. Memperluas wad geriatrik di semua hospital | | |
| 4. | Meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br>1. Meningkatkan pemahaman komuniti mengenai penganiayaan warga emas melalui:<br>• Seminar;<br>• Ceramah;<br>• Bahan cetak; | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan<br>Kementerian Dalam Negeri<br>Kementerian Pelajaran<br>Jabatan Perdana Menteri | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Media massa; dan<br>• Media elektronik. | NGO | |
| | | 2. Memperluaskan kesedaran dan pengetahuan mengenai penganiayaan terhadap warga emas menggunakan pelbagai saluran. | | |
| | | 3. Penyediaan garis panduan menangani penganiayaan warga emas. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br>1. Menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk mencegah dan menangani masalah penganiayaan warga emas. | | |
| | | 2. Meningkatkan kemahiran pegawai yang berkaitan dan pemimpin komuniti untuk mengenal pasti penganiayaan warga emas. | | |
| | | 3. Membentuk sistem pelaporan dan tindakan susulan kes penganiayaan dalam kalangan warga emas. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Mewujudkan sistem penyelarasan dalam kalangan semua agensi pelaksana | | |

## TADBIR URUS DAN PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB

Objektif 4: Membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepadu

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Meningkatkan akauntabiliti di pelbagai peringkat | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br><br>1. Mengintegrasi program PTWEN dalam pelan strategi setiap agensi berkaitan. | Jabatan Perdana Menteri<br><br>Kementerian Kewangan<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br><br>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah<br><br>Kementerian Kesihatan Malaysia<br><br>Jabatan Standard Malaysia<br><br>Jabatan Perangkaan Malaysia | Peningkatan 10% organisasi emlepasi audit program kesejahteraan warga emas setiap tahun bermula tahun 2011<br><br>Pencapaian 100% penerima bantuan menerima bantaun pada masa yang ditetapkan |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| | | | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br><br>Pejabat Daerah<br><br>Swasta<br><br>NGO | |
| | | 2. Meningkatkan kerjasama pelbagai sektor dalam membangunkan perkhidmatan warga emas yang bersepadu. Contohnya membentuk program dimensia yang mempunyai komponen sosial dan kesihatan dalam satu program. | | |
| | | 3. Menjadikan isu warga emas sebagai agenda tetap dalam Jawatankuasa Pembangunan Negeri. | | |
| | | 4. Memperuntukkan sumber kewangan dan sumber manusia untuk melaksanakan PTWEN di | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | semua agensi berkaitan di semua peringkat. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br><br>1. Menguat kuasa peraturan dan undang-undang berkaitan warga emas. | | |
| | | 2. Mengkaji semula sistem penyampaian bantuan supaya telus dan berkesan. | | |
| | | 3. Menyediakan standard perkhidmatan sosial dan memastikan pembekal perkhidmatan mematuhi standard yang ditetapkan. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Membuat perubahan peranan berperingkat dari kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan sosial kepada pengawal selia perkhidmatan melalui: | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Pembangunan sumber manusia;<br>• Penyediaan sistem pemantauan/ naziran;<br>• Sistem anugerah khidmat sosial, contoh: pembekal perkhidmatan sosial terbaik; dan<br>• Peruntukan kewangan | | |
| 2. | Meningkatkan kapasiti organisasi | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br><br>1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal serta pengurusan dalam kalangan pegawai dan pembekal perkhidmatan menerusi latihan. Contoh: menyediakan latihan mengalih dan mengangkat warga emas dari kerusi ke katil. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Kesihatan<br><br>Jabatan Perkhidmatan Awam<br><br>Jabatan Standard Malaysia<br><br>Swasta<br><br>NGO | Peningkatan 10% pusat jagaan warga emas (harian/berkediaman) yang mempunyai standard perkhidmatan setiap tahun |
| | | 2. Mewujudkan standard perkhidmatan di pusat jagaan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | warga emas (harian/berkediaman). Contoh: membentuk manual untuk menetapkan skop kerja dalam pusat jagaan warga emas (harian/berkediaman). | | |
| | | 3. Memberi latihan kepada ahli keluarga/saudara mara yang menjaga warga emas. | | |
| | | 4. Mewajibkan latihan untuk penjaga warga emas sebagai syarat perlesenan kepada pembekal perkhidmatan. | | |
| | | 5. Mengadakan latihan sangkut (*attachment*) dalam kalangan pegawai untuk perkhidmatan khusus penjagaan warga emas. Pegawai dihantar selama jangka masa tertentu di tempat jagaan warga emas sama ada di dalam atau luar negara. Contoh: di rumah rawatan Alzheimer di Australia, United Kingdom atau Amerika Syarikat. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 6. Melantik pegawai yang mempunyai latar belakang yang bersesuaian. Contoh: melantik jururawat yang terlatih dalam bidang geriatrik untuk menjadi staf di institusi jagaan warga emas. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br>1. Mewujudkan jawatan bersesuaian untuk perkhidmatan berkaitan warga emas. Contoh:<br>• Pembantu geriatrik;<br>• Pegawai pembangunan warga emas; dan<br>• Penjaga warga emas | | |
| | | 2. Mewujudkan pensijilan dalam jawatan perkhidmatan penjagaan warga emas. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 3. Melaksanakan sistem pelesenan dalam kalangan penjaga dan pembekal perkhidmatan (*service provider*) untuk warga emas. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br>1. Meningkatkan penguatkuasaan standard perkhidmatan di pusat jagaan warga emas (harian dan berkediaman). Melaksanakan skop kerja yang ditetapkan dalam manual pusat jagaan warga emas (harian dan berkediaman)<br>2. Membangunkan standard pembekal perkhidmatan untuk melindungi warga emas (*code of practice to protect older people)*<br>3. Melaksanakan audit standard pembekal perkhidmatan | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Meningkatkan perkongsian tanggungjawab di pelbagai peringkat untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br>1. Mewujudkan sistem perwakilan dalam bentuk jawatankuasa pembangunan warga emas di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah<br><br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan<br><br>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br><br>Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan<br><br>Swasta<br><br>NGO | |
| | | 2. Melaksanakan pemantauan berkala pelaksanaan PTWEN. | | |
| | | 3. Menyediakan ruang untuk hebahan dan perkongsian maklumat berkaitan program warga emas melalui: | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Laporan program/aktiviti;<br>• Laman web agensi;<br>• Seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan<br>• Media cetak dan media elektronik | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br>1. Meningkatkan jaringan kerjasama antara agensi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa | | |
| 4. | Memantapkan tadbir urus insan (*Human governance)* | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br>1. Mempromosikan amalan kerohanian dalam tingkah laku harian di tempat kerja dan rumah. | Jabatan Perdana Menteri<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 2. Menggalakkan aktiviti mengeratkan ikatan sosial dalam kalangan keluarga dan komuniti. | Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri<br><br>Swasta<br><br>NGO | |
| | | 3. Meningkatkan peranan institusi keagamaan dalam tadbir urus insan. | | |
| 5. | Memantapkan sistem penguatkuasaan peraturan serta undang-undang berkaitan warga emas | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br><br>1. Mengkaji undang-undang dan peraturan untuk memastikan keperluan warga emas diambil kira. Contoh:<br><br>• Akta Keganasan Rumah Tangga1994;<br><br>• Akta Pengangkutan Jalan 1987; | Badan Kehakiman Negara<br><br>Jabatan Peguam Negara<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Pengangkutan<br><br>Kementerian Kewangan | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Akta Insurans 1996;<br>• Akta Pusat Jagaan 1993;<br>• Akta Kerja 1955; dan<br>• Akta Pencen 1980. | Jabatan Perkhidmatan Awam<br><br>Kementerian Sumber Manusia | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Mengenal pasti keperluan perundangan baru:<br>• *Durable power of attorney;*<br>• *End of life decision;* dan<br>• Akta Warga Emas<br><br>2. Meningkatkan kepekaan penguatkuasaan undang-undang mengenai isu berkaitan warga emas | | |

**PENGLIBATAN DAN KESEPADUAN ANTARA GENERASI**

Objektif 5: Meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mengeratkan hubungan timbal balik antara generasi | **Jangka pendek (2010 – 2012):**<br>1. Menggalakkan budaya masa bersama keluarga melalui:<br>• Peningkatan pemahaman mengimbangi kerja dan keluarga;<br>• Menggalakkan sambutan hari lahir, ulang tahun dan sebagainya;<br>• Peningkatan peranan sektor swasta;<br>• Peranan persatuan penduduk;<br>• Menggalakkan reka bentuk rumah yang sesuai untuk | Jabatan Perdana Menteri<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan<br><br>Kementerian Pelajaran<br><br>Kementerian Pengajian Tinggi<br><br>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br><br>Jabatan Perkhidmatan Awam | Peningkatan 10% setahun bagi program antara generasi yang dilaksanakan mulai tahun 2011 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | meningkatkan hubungan antara generasi; dan<br><br>• Menggalakkan budaya keluarga dengan memendekkan waktu kerja dan waktu perniagaan. | Swasta<br><br>NGO | |
| | | 2. Menggalakkan aktiviti kesukarelaan di pusat jagaan warga emas dalam kalangan pelajar sekolah, kolej dan universiti sebagai aktiviti ko-kurikulum/ kemahiran insaniah. Contohnya:<br><br>• Lawatan ke institusi sosial semasa cuti sekolah dalam kalangan pelajar sekolah rendah;<br><br>• Mewajibkan penglibatan minimum (8 jam setahun) pelajar sekolah menengah (tingkatan 1 - 5) dalam perkhidmatan sosial. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 3. Menjadikan aktiviti penyeliaan perkhidmatan sosial sebagai sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Kerja (KPI) guru (cadangan 5%). | | |
| | | 4. Mempromosikan nilai menghormati warga emas menerusi:<br>• Program angkat dalam kalangan warga emas;<br>• Menjana modal sosial melalui usaha sama antara generasi;<br>• Projek warisan keluarga (*family tree legacy*) dalam komuniti;<br>• Kempen hormati warga emas;<br>• Menganjurkan 'Hari Antara Generasi'; | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | • Program penuaan sihat antara generasi; | | |
| | | • Menambahkan papan iklan di tempat strategik bagi menggalakkan budaya menghormati warga emas;<br>• Mewujudkan kelab perkhidmatan sosial yang fokus terhadap warga emas;<br>• Memupuk budaya menyayangi warga emas dalam keluarga; dan<br>• Menggalakkan warga tua menjadi '*role model*' kepada masyarakat. | | |
| | | 5. Menggalakkan keluarga menggunakan internet untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 6. Menggalakkan penglibatan NGO/swasta menggunakan kemudahan sedia ada untuk aktiviti kekeluargaan dan gaya hidup sihat yang melibatkan warga emas. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010 – 2015):**<br>1. Menggalakkan kerjasama antara agensi yang memberi tumpuan kepada perkhidmatan warga emas dan warga muda. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br>1. Pembentukan dasar dan pelan tindakan untuk mengukuhkan hubungan antara generasi | | |
| 2. | Mengarus perdanakan warga emas dalam masyarakat | **Jangka pendek (2010 – 2012):**<br>1. Mewujudkan biro warga emas dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/Jawatankuasa Kemajuan | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia | 5% perwakilan warga emas di pelbagai peringkat bermula tahun 2011 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | dan Keselamatan Rancangan (JKKR). | | |
| | | 2. Mewujudkan mekanisme penyelarasan organisasi kesukarelaan terutama yang berkaitan dengan warga emas.<br><br>3. Latihan/kursus mengenai penuaan dimasukkan dalam modul pembangunan keluarga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri<br><br>Pejabat Daerah | |
| | | **Jangka sederhana (2010 – 2015):**<br><br>1. Menggalakkan penubuhan Organisasi Berasaskan Komuniti (*Community Based Organization*) dalam komuniti melalui:<br><br>- Latihan kepimpinan;<br><br>- Pembangunan kapasiti; | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | - Garis panduan penubuhan CBO;<br>- Membentuk model prototaip CBO; dan<br>- Membimbing penubuhan CBO. | | |
| | | 2. Menyediakan saluran bagi membolehkan pandangan warga emas diambil kira dalam merancang dan melaksanakan sesuatu projek. | | |
| | | 3. Mengukuhkan persatuan penduduk dalam bandar dan daerah. | | |
| | | 4. Memberikan penghargaan kepada CBO. | | |
| | | 5. Mewujudkan saluran komunikasi dalam kalangan CBO (contoh: seminar, laman web, buletin), dan saluran komunikasi luaran | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | untuk berhubung dengan pihak luar yang berkaitan. | | |
| | | 6. Merancang pengisian aktiviti yang melibatkan warga emas dalam masyarakat melalui CBO. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br>1. Menyediakan dana padanan (matching grant), memantau dan menilai impak aktiviti CBO<br>2. Menggalakkan dan membiayai aktiviti antara generasi yang diuruskan oleh komuniti (community managed centre)<br>3. Menubuhkan jawatankuasa gabungan CBO warga emas peringkat daerah dan negeri<br>4. Membentuk jaringan CBO tempatan dan antarabangsa | | |

## PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Objektif 6: Menjadikan penyelidikan sebagai asas dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Menggalakkan penyelidikan dalam bidang penuaan | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br><br>1. Menentukan hala tuju dan keutamaan penyelidikan dalam bidang penuaan. | Jabatan Perdana Menteri<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br><br>Kementerian Kewangan<br><br>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi<br><br>Kementerian Pengajian Tinggi<br><br>Kementerian Kesihatan<br><br>Kementerian Sumber Manusia<br><br>Kementerian Pengangkutan | Peruntukan RM3 juta setahun dengan peningkatan 10% setahun untuk kajian dalam bidang penuaan mulai tahun 2010<br><br>Bilangan program yang ditambah baik menggunakan hasil kajian |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | Agensi lain yang berkaitan | |
| | | 2. Menyediakan peruntukan kewangan penyelidikan berkaitan penuaan di pelbagai kementerian dan agensi. | | |
| | | 3. Menggalakkan kajian tindakan (*action research*) mengenai penuaan. | | |
| | | 4. Mewujudkan pangkalan data penyelidikan penuaan kebangsaan. | | |
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br>1. Menubuhkan institut penyelidikan penuaan negara. | | |
| | | 2. Menggalakkan kolaborasi penyelidikan antara agensi kebangsaan dan antarabangsa. | | |
| | | 3. Menjalankan kajian jangka panjang berhubung | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | kesejahteraan warga emas setiap 5 tahun;<br><br>• Dalam komuniti; dan<br><br>• Dalam institusi. | | |
| | | 4. Mewujudkan pangkalan data warga emas:<br><br>• Warga emas yang terlibat dalam keusahawanan dan sektor tidak formal;<br><br>Warga emas yang ingin bekerja dan peluang pekerjaan yang ada di pasaran; dan<br><br>• Kelab warga emas. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010 – 2020):**<br><br>1. Membentuk indeks impak pembangunan ke atas warga emas | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 2. Mempromosikan peranan sektor swasta dalam penyelidikan dan pembangunan | | |
| 2. | Meningkatkan pemantauan dan penilaian ke atas program | **Jangka Pendek (2010-2012):**<br>1. Membangunkan standard perkhidmatan warga emas (Contoh: penjagaan kesihatan dan sebagainya). | Jabatan Perdana Menteri<br>Kementerian Pengajian Tinggi<br>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan<br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br>Swasta<br>NGO | 100% program warga emas dipantau dan dinilai pada tahun 2020 |
| | | 2. Meningkatkan penyelidikan ke arah pembentukan standard perkhidmatan dan peraturan serta undang-undang untuk kesejahteraan warga emas. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2010-2015):**<br>1. Mewajibkan audit berkala program warga emas dan penuaan. | | |
| | | **Jangka Panjang (2010-2020)**<br>1. Mengkaji semula dasar sedia ada supaya mesra keluarga dan warga emas. Contoh:<br>• Dasar Perumahan Negara<br>• Dasar Pendidikan Kebangsaan<br>• Dasar Kebajikan Masyarakat Negara | | |
| | | 2. Mewajibkan penilaian impak program berkaitan warga emas dan penuaan dalam masa setahun. | | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | 3. Mewajibkan penilaian impak projek pembangunan ke atas warga emas. | | |